

DATE: 26/10/2010

Jumlah untuk jayakan program ekonomi negara dekad akan datang

# Transformasi RM1.392 trilion

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 25 Okt. – Malaysia memerlukan pembiayaan berjumlah RM1.392 trilion bagi menjayakan program transformasi ekonomi untuk dekad akan datang, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, sebahagian daripada pembiayaan itu akan ditampung melalui penerbitan Sukuk, memandangkan kewangan Islam adalah pilihan pembiayaan yang layak dan kompetitif untuk menampung pertumbuhan ekonomi di Asia.

Selain itu katanya, kos pembiayaan tersebut juga akan ditampung oleh sektor swasta, sektor awam dan syarikat milik kerajaan (GLC) dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

“Dana ini akan digunakan untuk menjayakan pelbagai projek yang sudah dirangka, dari rangkaian kereta api masa hinggalah kepada penggunaan tenaga nuklear pada masa hadapan.

“Ini kerana aspirasi kita untuk muncul sebagai negara berpendapatan tinggi tidak boleh dilakukan secara berasingan dan adalah penting pertumbuhan serta pembangunan dilaksanakan secara inklusif dan berterusan,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menyampaikan ucapan sempena perasmian Forum Kewangan Islam Global yang bertajuk *Kewangan Islam: Peluang Untuk Esok* di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Raja Muda Perak yang juga Duta Kewangan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), Raja Dr. Nazrin Shah dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Dalam pada itu, Najib berkata, Malaysia kini berada dalam kedudukan terbaik untuk muncul sebagai sebuah negara pengeluaran pelbagai mata wang bertaraf antarabangsa bagi kegunaan Sukuk.

Beliau berkata, ini kerana penerbitan Sukuk di negara ini menerima

UM-26/10/2010

## Islamic Finance: Opportunities for Tomorrow

Kuala Lumpur, 25 - 28 October 2010



**NAJIB Tun Razak bersalaman dengan Dr. Abdul Aziz Al-Hinai (dua dari kiri) sambil diperhatikan Raja Dr. Nazrin Shah dan Dr. Zeti Akhtar Aziz semasa Global Islamic Finance Forum di Hotel Mandarin, Kuala Lumpur, semalam.**

akses meluas daripada para pelabur dan pemain ekonomi antarabangsa, selain turut disokong oleh pelaksanaan insentif cukai utama.

Pada masa yang sama, jelas Perdana Menteri, peluang pengumpulan dana menerusi inisiatif MIFC juga meluas yang mana negara menawarkan diri sebagai hab kewangan antarabangsa.

“Pengumpulan dana boleh dilaku-

kukan dengan menubuhkan dana berasaskan ekuiti, dengan pengasas boleh mewujudkan dana projek atau prasarana di Malaysia dan menikmati lebih 60 perjanjian pelepasan cukai berganda.

“Dengan kata lain, sebuah syarikat asing boleh mengupah penyusun utama terkenal antarabangsa di negara ini dan menerbitkan Sukuk mata wang dollar Amerika Syarikat (AS)

bersama pelabur yang datang dari seluruh dunia,” katanya.

Menyentuh mengenai kewangan Islam, beliau berkata, sistem kewangan tersebut adalah pilihan pembiayaan berdaya maju dan kompetitif bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi pesat di Asia terutamanya dengan negara-negara ASEAN.

Sehubungan itu, beliau menggesa negara-negara Asia meningkatkan pe-

nyepaduan sistem kewangan mereka ketika negara membangun berusaha mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan mereka.

“Walaupun pengeluaran Sukuk global bagi 2010 hingga ke setakat ini turun 16 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, ia dijangka bertambah baik tahun depan ketika pasaran hutang global pulih dan penawaran meningkat,” ujarnya.